

PUNGUTAN PINGAT SUKUM 39

KONTINJEN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH PINGAT
KPM	1	2	4	7
UM	2	1	3	6
USM	6	7	6	19
UKM	3	1	5	9
UPM	3	2	2	7
UTM	2	4	7	13
UIAM	0	1	0	1
UUM	5	4	7	16
UNIMAS	1	0	1	2
UMS	1	0	0	1
UPSI	0	0	2	2
USIM	0	2	0	2
UiTM	2	6	3	11
UMT	1	1	2	4
UTHM	1	0	7	8
UTeM	2	1	5	8
UMP	0	0	0	0
UNIMAP	9	7	3	19
UNISZA	0	2	0	2
UMK	0	1	1	2
UPNM	3	1	3	7

Nota: Pungutan Pingat Sehingga 23 Ogos 2014 Pada Jam 11:00 pagi



SUKUM 39, 2014 MELABUHKAN TIRAINYA

Setelah sepuluh hari berkampung di UTM, akhirnya Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 39 melabuhkan tirai dengan jayanya. Majlis Penutup SUKUM 39, 2014 telah diadakan pada Sabtu, 23 Ogos 2014 di Sports Hall 1, UTM. Seawal jam Acara bermula pada jam 2.00 petang, semua wakil 21 kontinjen berkumpul di Sports Hall 1, UTM. Tepat pukul 3.00 petang, Y.Bhg. Prof. Dr. Azlan bin Ab. Rahman, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM dengan diiringi Pengarah Sukan dan Pegawai- Pegawai Kanan Universiti dan wakil setiap kontinjen IPTA & KPM berarak masuk ke dalam dewan. Lagu Negaraku dimainkan. Beliau kemudian dijemput untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya Menutup Rasmi Majlis Penutup SUKUM Ke-39. Di dalam ucapannya, beliau berharap kesungguhan dan semangat kesukanan yang tinggi yang dipamerkan oleh setiap atlet dalam mencapai kemenangan perlu dilihat sebagai satu motivasi diri yang sangat positif yang jika dikekalkan momentumnya ketika menjalankan tugas di dalam organisasi pasti akan dapat membantu IPTA di Malaysia melangkah lebih jauh sebaris dengan kemajuan universiti-universiti terkemuka yang lain.

Di akhir ucapannya, Y.Bhg. Prof. menyampaikan ucapan tahniah kepada UTM di atas penganjuran SUKUM 39 yang telah berlangsung dengan jayanya. Seterusnya Majlis Penyerahan Bendera dipertontonkan dengan persembahan video Upacara Menurunkan Bendera dan montaj sepanjang penganjuran SUKUM 39, 2014. Seterusnya Pembawa Bendera Kejohanan masuk ke dewan iiringi oleh pancaragam Drumline. Bendera Kejohanan kemudian disampaikan kepada Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) untuk diserahkan kepada wakil kontinjen UiTM yang akan menjadi tuan rumah SUKUM ke-40 pada tahun 2015. Majlis diakhiri dengan jamuan minum petang sebelum bersurai kira-kira jam 4.30 petang. Sebagai tuan rumah, UTM sangat berterima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan acara sukan tahunan ini. Semoga kita berjumpa kembali pada SUKUM ke-40 pada tahun hadapan.



JAWATANKUASA INDUK

Penasihat

Y. Bhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar
Naib Canselor UTM

Pengerusi

Y. Bhg. Prof. Dr. Azlan bin Ab. Rahman
Timbalan Naib Canselor (P)

Timb. Pengerusi

Y. Bhg. Tn. Hj. Wan Mohd. Zawawi bin Wan Abd. Rahman
Pendaftar UTM

Setiausaha

Tn. Hj. Abdul Malik bin Hj. Abdul Ghani
Pengarah Sukan

Penolong Setiausaha

En. Armadi bin Ahmad
Pegawai Belia & Sukan Kanan

Bendahari

Pn. Hjh. Sharifah Alwiah bte Syed Alwi
Bendahari UTM

Ahli Jawatankuasa

Setiausaha Bahagian Sukan (KPM)
Pendaftar IPTA

JAWATANKUASA PELAKSANA

Pengerusi

Tn. Hj. Wan Mohd. Zawawi bin Wan Ab. Rahman
Pendaftar UTM

Timbalan Pengerusi

Tn. Hj. Abdul Malik bin Hj. Abdul Ghani
Pengarah Sukan

Setiausaha

En. Armadi bin Ahmad
Pegawai Belia & Sukan Kanan

Pen. Setiausaha 1

En. Rizam bin Rahmat
Pegawai Belia & Sukan

Pen. Setiausaha 2

En. Shahril Annuar bin Bahrom
Penolong Pegawai Belia & Sukan

Bendahari

En. Nasimin bin Ngadi (Pejabat Bendahari)
Pn. Rahmah binti Yusak (UTM Sports Excellence)
Pn. Rohani binti Karim (UTM Sports Excellence)

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Tn. Hj. Abdul Malik bin Hj. Abdul Ghani

Penasihat:

En. Armadi bin Ahmad

Ketua Editor:

En. Shahril Annuar bin Bahrom

Penolong Ketua Editor:

Pn. Madiha binti Aziz

Editor:

Pn. Salina binti Shamshuri
Pn. Norayura binti Ayub

Jurugambar:

Mond Hanafi bin Sumgap
Muhamad Akmal bin Ahmad

KEMUNCAK PERLAWANAN SUKUM 39, 2014 - UTM

PUKULAN MANTAP HOKI AKHIR PENENTU KEJUARAAN



Peringkat Akhir Perlawanan Hoki berlangsung di Stadium Hoki, Taman Daya Johor. Pasukan yang telah berjaya ke pusingan akhir ialah di antara pasukan USM dan UNIMAP. Perlawanan telah berlangsung dengan penuh sengit di mana setiap pasukan cuba mempamerkan corak permainan yang pantas dan terbaik bagi memastikan kejayaan. Dapat dilihat kesungguhan dan semangat juang yang tinggi ditunjukkan. Dengan yakin juga, pasukan USM nampaknya mempunyai kelebihan menjadikan pasukan ini berjaya meraih Pingat Emas menewaska pasukan UNIMAP di kedudukan naib johan dengan Pingat Perak. Pingat Gangsa jatuh ke tangan pasukan KPM dan UTHM. Sesungguhnya semangat juang yang ditunjukkan oleh semua pemain hoki sepanjang SUKUM 39 berlangsung haruslah dipuji. Bagi pasukan yang telah mencapai kemenangan, tahniah dan syabas diucapkan. Ucapan selamat maju jaya juga kepada semua pasukan yang telah bertanding. Semoga semangat kesukanan sebegini menjadi pemangkin kepada peningkatan sukan Negara. Tahniah!



Sesungguhnya semangat juang yang ditunjukkan oleh semua pemain hoki sepanjang SUKUM 39 berlangsung haruslah dipuji. Bagi pasukan yang telah mencapai kemenangan, tahniah dan syabas diucapkan. Ucapan selamat maju jaya juga kepada semua pasukan yang telah bertanding. Semoga semangat kesukanan sebegini menjadi pemangkin kepada peningkatan sukan Negara. Tahniah!

KEMUNCAK PERLAWANAN SUKUM 39, 2014 - UTM

FAKTOR USIA BUKAN PENGHALANG VETERAN MERAIH KEJAYAAN

BOLA SEPAK

Padang Utama UTM menjadi lokasi kejohanan Bola Sepak Veteran bagi merebut pingat dalam SUKUM 39. Perlawanan telah bermula sejak 18 Ogos 2014 dan penentuan juara ditentukan pada perlawanan akhir yang berlangsung pada 22 Ogos 2014 pada pukul 9.00 malam. Setiap pasukan cuba menonjolkan kemahiran dan mutu permainan yang menarik bagi mencapai kejayaan bagi pasukan masing-masing. Nampak dilihat faktor usia tidak menjadi penhalang sebaliknya menjadi dorongan lebih kuat kepada setiap pasukan untuk terus bersemangat dan maju.

Ternyata dan terbukti Pasukan Bola Sepak Veteran USM telah berjaya merangkul Pingat Emas pada kali ini. Manakala pasukan UMK telah berjaya memperolehi Pingat Perak. Pingat Gangsa pula dikongsi bersama pasukan UiTM dan UNIMAP. Dengan kemenangan tersebut, pasukan Bola Sepak Veteran USM berjaya mengembalikan kegemilangan bola sepak veteran kerana penonton terhibur dengan aksi yang ditunjukkan oleh semua pemain. Tahniah kepada semua pemain yang telah menunjukkan aksi yang menarik.



KEMUNCAK PERLAWANAN SUKUM 39, 2014 - UTM

PRESTASI SEPAK TAKRAW VETERAN MENINGKAT



Peringkat Akhir Sepak Takraw Veteran berlangsung di Sports Hall 1, UTM pada 22 Ogos 2014 pada pukul 9.00 malam. Peringkat ini menyaksikan pertembungan hebat di antara setiap pasukan untuk merebut pingat yang ditawarkan. Nasib nampaknya menyebelahi pasukan UKM apabila muncul juara dengan memperolehi Pingat Emas. Pasukan UTM hanya mampu meraih Naib Johan dengan memperolehi Pingat Perak. Pingat Gangsa pula diraih oleh pasukan UUM. Sepanjang perlawanan berlangsung, pemain telah menunjukkan prestasi yang baik dan cemerlang demi mencipta kejayaan masing-masing.

Majlis penyampaian hadiah bagi Sepak Takraw Veteran ini telah disempurnakan oleh En. Khairul Hafiz bin Zulkifli, Pegawai Belia & Sukan UKM. Semoga semangat sukan yang baik ini dapat diteruskan di masa-masa akan datang. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang.



KEMUNCAK PERLAWANAN SUKUM 39, 2014 - UTM

BOLA JARING AKHIR PAMER KEHEBATAN



Peringkat Akhir Bola Jaring berlangsung di Sports Hall 2, UTM pada hari terakhir SUKUM 39 iaitu pada 23 Ogos 2014. Perlawanan kali ini menyaksikan pertembungan sengit di antara pasukan UUM dan pasukan UiTM. Pasukan UUM mempamerkan penguasaan apabila menundukkan lawan iaitu UiTM di peringkat akhir. Justeru, Pingat Perak jatuh kepada UiTM manakala Pingat Gangsa diraih oleh UTHM dan UKM. Dalam kejohanan ini, apa yang lebih penting, setiap pasukan telah mempamerkan mutu permainan yang amat membanggakan.

Sesungguhnya semangat kesukanan yang terbaik adalah aset untuk mencapai kejayaan yang diimpikan. Bagi pasukan yang menang, tahniah diucapkan. Kepada pasukan yang kalah, jadikan ia sebagai motivasi untuk kejayaan lebih baik terutama di SUKUM ke-40 pula. Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Cik Najmah Shamsuddin, Timbalan Pendaftar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Sekali lagi sekalung tahniah dan syabas kepada semua pemenang.



